BORANG APDP **03/2025**
*(APDP FORM* ***03/2025****)*

**BORANG PERSETUJUAN MEMPROSES DATA PERIBADI DAN KREDIT INFORMASI**

***(CONSENT FORM FOR PROCESSING PERSONAL DATA AND CREDIT INFORMATION)***

Selaras dengan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] ("APDP") dan Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 [Akta 710] ("AAPK"), **Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad**, ("**Co-opbank Pertama / kami**") dikehendaki untuk memperoleh persetujuan anda sebelum data peribadi (termasuk kredit informasi) anda diproses dalam transaksi komersial anda dengan kami.

(*In accordance with the enforcement of the Personal Data Protection Act 2010 [Act 709] ("PDPA") and the Credit Reporting Agencies Act 2010 [Act 710] ("CRAA"),* ***Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad*** *("****Co-opbank Pertama / we****") are required to obtain your consent prior to your personal data (including credit information) being processed in your commercial transaction with us.)*

Co-opbank Pertama dengan ini adalah komited untuk mematuhi semua peruntukan APDP dan AAPK yang bertujuan untuk melindungi data peribadi anda. Maklumat lanjut tentang bagaimana data peribadi anda diproses boleh diakses melalui Notis Privasi kami yang dipaparkan melalui laman sesawang rasmi Co-opbank Pertama di www.cbp.com.my.

(*Co-opbank Pertama is hereby committed to complying with all provisions of the PDPA and CRAA in safeguarding your personal data. For more information on how your personal data is processed, please refer to our Privacy Notice, which is available on Co-opbank Pertama's official website at www.cbp.com.my.)*

Mohon ambil maklum bahawa Co-opbank Pertama mungkin mengemaskini Notis Privasi tersebut dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Notis Privasi Co-opbank Pertama, anda akan dimaklumkan melalui Notis Privasi terkini yang disiarkan di laman sesawang rasmi Co-opbank Pertama atau lain-lain cara pemberitahuan yang dirasakan munasabah oleh Co-opbank Pertama.

*(Please be informed that Co-opbank Pertama may revise the Privacy Notice from time to time. If there are any changes to Co-opbank Pertama's Privacy Notice, you will be notified through the latest Privacy Notice published on Co-opbank Pertama's official website or through other notification methods deemed appropriate by Co-opbank Pertama.)*

**PERAKUAN**

*(DECLARATION)*

Maka, dengan menandatangani borang ini, saya mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Notis Privasi Co-opbank Pertama serta memberikan kebenaran untuk:

*(By signing this form, I confirm that I have read, understood and agreed to Co-opbank Pertama's Privacy Notice and grant permission for:)*

(a) Co-opbank Pertama memproses dan menggunakan data peribadi saya bagi mana-mana tujuan yang relevan sepertimana yang termaktub di dalam Notis Privasi Co-opbank Pertama;

*(Co-opbank Pertama to process and use my personal data for any relevant purposes as outlined in Co-opbank Pertama's Privacy Notice*;)

(b) Co-opbank Pertama mendedahkan atau menzahirkan data peribadi saya kepada entiti-entiti tertentu termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

*(Co-opbank Pertama to disclose or reveal my personal data to certain entities including but not limited to:)*

(i) mana-mana pegawai, pekerja, pengarah, cawangan dan anak syarikat Co-opbank Pertama; atau

(*any officer, employee, director, branch, subsidiary company of Co-opbank Pertama; or*)

(ii) mana-mana entiti yang dilantik Co-opbank Pertama sebagai ejen, kontraktor dan penyedia perkhidmatan; atau

*(any entity appointed by Co-opbank Pertama as an agent, contractor or service provider; or)*



Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (No. Daftar 1146)
Wisma Co-opbank Pertama
No. 115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-2692 7650 Emel: info@cbp.com.my Web: www.cbp.com.my

(iii) mana-mana entiti untuk melengkapkan transaksi komersial yang diminta oleh saya; atau

*(any entity necessary to complete a commercial transaction requested by me; or)*

(iv) juruaudit, peguam dan penasihat profesional yang lain; atau

*(auditors, lawyers and other professional advisors; or)*

(v) mana-mana agensi pelaporan kredit / biro kredit di bawah seliaan Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit, bank-bank dan/atau institusi kewangan; atau

*(any credit reporting agencies / bureaus under the supervision of the Registrar's Office of Credit Reporting Agencies, banks, and/or financial institutions; or)*

(vi) Bank Negara Malaysia ("BNM"), mana-mana biro atau agensi yang ditubuhkan dan akan ditubuhkan oleh BNM (termasuk Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat – "CCRIS"); atau

*(Bank Negara Malaysia ("BNM"), any bureau or agency established or to be established by BNM (including the Central Credit Reference Information System – "CCRIS"; or)*

(vii) badan kerajaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada badan separa-kerajaan dan kuasi-kerajaan), jabatan atau agensi penguatkuasaan atau pengawalselia termasuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("SKM"), yang mempunyai bidang kuasa ke atas Co-opbank Pertama; atau

*(government bodies (including but not limited to semi-government and quasi-government bodies), departments or enforcement agencies or regulatory bodies including the Malaysian Co-operative Commission ("SKM"), that have jurisdiction over Co-opbank Pertama; or)*

(viii) sebarang sepina atau untuk mematuhi peruntukan undang-undang; atau

*(any subpoena or to comply with the law; or)*

(ix) mana-mana entiti yang saya telah memberikan persetujuan untuk menzahirkan data peribadi saya; atau

*(any entity to whom I have consented to disclose my personal data; or)*

(x) mana-mana entiti yang dibenarkan undang-undang.

*(any entity permitted under the law.)*

(c) BNM mendedahkan maklumat kredit saya kepada Co-opbank Pertama, institusi kewangan lain, agensi pelaporan kredit dan pihak-pihak lain selaras dengan Seksyen 47 (2) Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan/atau bagi tujuan lain yang difikirkan wajar oleh BNM termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian kelayakan kredit, penyediaan laporan atau penilaian kredit, penyelesaian e-KYC dan perkhidmatan nasihat kewangan.

*(BNM to disclose my credit information to Co-opbank Pertama, other financial institutions, credit reporting agencies and other parties in accordance with Section 47 (2) of the Central Bank of Malaysia Act 2009 and/or for such other purposes as BNM deems appropriate, including but not limited to credit assessment, the provision of credit reports or credit evaluations, e-KYC solutions and financial advisory services.)*

(d) Data peribadi sensitif seperti kesihatan mental atau fizikal, kepercayaan agama, bangsa, etnik dan/atau salah laku (sivil atau jenayah) saya diproses bagi mencapai tujuan yang termaktub di dalam Notis Privasi Co-opbank Pertama.

*(Sensitive personal data such as my mental or physical health, religious belief, race, ethnic and/or misconduct (civil or*



Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (No. Daftar 1146)
Wisma Co-opbank Pertama
No. 115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-2692 7650 Emel: info@cbp.com.my Web: www.cbp.com.my

*criminal) are processed to achieve the purposes set out in Co-opbank Pertama's Privacy Notice.)*

Saya seterusnya mengaku dan mengisytiharkan bahawa kesemua data peribadi (termasuk data peribadi sensitif) yang saya berikan adalah tepat, lengkap, terkini dan benar. Sekiranya terdapat kesilapan atau perubahan kepada mana-mana data peribadi saya, saya akan memaklumkan kepada Co-opbank Pertama dengan serta-merta.

*(I further acknowledge and declare that all personal data (including sensitive personal data) I have provided is accurate, complete, current and true. If there are any errors or changes to any of my personal data, I will notify Co-opbank Pertama immediately.)*

Dari semasa ke semasa, Co-opbank Pertama mungkin akan menghantar apa-apa bentuk promosi dan pemasaran yang mungkin menarik minat anda. Jika anda bersetuju untuk menerima komunikasi tersebut, sila lengkapkan ruangan di bawah dengan menandakan "*/* " di ruangan pilihan anda:-

*(From time to time, Co-opbank Pertama may send promotional and marketing materials that may interest you. If you agree to receive such communications, please fill in the section below by marking " / " next to your preferred option):-*

☐ Ya, saya bersetuju.
(*Yes, I agree*.)

☐ Tidak, saya tidak bersetuju.
(*No, I do not agree*.)

Tandatangan:____________________
(*Signature*:)
Tarikh:____________________
(*Date*:)
Nama :____________________
(*Name:*)
No. K/P :____________________
(*NRIC No.*:)

---

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA**

**(*FOR OFFICE USE ONLY*)**

Diterima oleh:____________________
*(Received by:)*
Tarikh:____________________
*(Date:)*

____________________
(Tandatangan Dan Cop Jawatan)
*(Signature and Official Seal)*



Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad (No. Daftar 1146)
Wisma Co-opbank Pertama
No. 115, Jalan Raja Muda Abdul Aziz
Kampung Bharu, 50300 Kuala Lumpur
No. Tel: 03-2692 7650 Emel: info@cbp.com.my Web: www.cbp.com.my